



PERLEMBAGAAN

HARAKAH ISLAMIAH

HIKMAH

NO PENDAFTARAN : 11/69 (sarawak)
PPM-001-13-04031969

**PERLEMBAGAAN
HARAKAH ISLAMIAH
(HIKMAH)**

FASAL

1. NAMA

Nama Pertubuhan ini ialah Harakah Islamiah dan singkatan namanya ialah “HIKMAH” dan selepas ini disebut “Pertubuhan”.

2. ALAMAT

- (a) Alamat/Pejabat Berdaftar Pertubuhan ini ialah Ibu Pejabat HIKMAH, Jalan Tun Datuk Patinggi Haji Abdul Rahman Ya'kub, Petra Jaya, 93050 Kuching, Sarawak ataupun di mana-mana tempat yang akan ditetapkan oleh Majlis Tertinggi.
- (b) Alamat/Pejabat Berdaftar tidak boleh diubah tanpa kebenaran daripada Pejabat Pendaftar Pertubuhan terlebih dahulu.

3. LAMBANG, LENCANA DAN BENDERA

1. LAMBANG/LENCANA

a. Rekabentuk

Rekabentuk merupakan satu bulatan berwarna putih bergaris hitam di sebelah luar di mana terdapat bulan sabit menadah ke atas dan bintang pecahan 5 yang berwarna kuning melambangkan rukun islam yang berwarna kuning di dalamnya. Bintang adalah berlatarbelakangkan warna biru. Di sekeliling bulan sabit dan bintang terdapat satu lingkaran bulatan hijau dan putih. Di bawah di dalam bulatan putih terdapat singkatan nama Pertubuhan “HIKMAH” dan di sebelah kanan dan kirinya terdapat tulisan jawi “ حركة ” dan “ اسلامية ”

Contoh lambang/lencana adalah seperti di bawah ini:-



b. Makna

- i. Secara keseluruhannya lambang / lencana membawa erti Pertubuhan ini adalah sebuah Gerakan Dakwah Islamiah;
- ii. Bulan sabit dan bintang membawa erti lambang keunggulan perjuangan Islam dimana pecahan lima merupakan rukun Islam yang lima;
- iii. Kuning membawa makna setia dan istiqamah kepada perjuangan;
- iv. Biru membawa makna semangat kemalaysiaan; dan
- v. Hijau membawa makna semangat dakwah Islamiah dan iltizam kepada risalah dakwah Islamiah.

2. BENDERA

- a. Bendera adalah berbentuk segiempat bujur berwarna hijau di mana terdapat di sudut sebelah kiri sebelah atas satu bentuk segiempat bujur kecil yang berwarna putih dan di tengah-tengahnya terdapat lambang Pertubuhan.
- b. Majlis Tertinggi mempunyai kuasa membuat sebarang peraturan mengenai penggunaan dan saiz bendera.

Contoh bendera adalah seperti di bawah ini:-



4. TUJUAN-TUJUAN

Tujuan-tujuan Pertubuhan ini ialah seperti berikut:-

- a. Menyebar dan menggalakkan amalan ajaran-ajaran Islam dalam kehidupan setiap hari;

- b. Menjalankan kegiatan dakwah terutamanya dikawasan pedalaman dan perkampungan saudara kita;
- c. Menyemaikan semangat sanggup berkorban bagi kepentingan Islam dan bagi kepentingan keadilan umat manusia;
- d. Menyemaikan persefahaman dan rasa hormat menghormati sesama manusia;
- e. Memberikan bantuan kepada sesiapa dan/atau mana-mana institusi yang memerlukan;
- f. Menjalinkan kerjasama dengan mana-mana pertubuhan dan badan-badan Islam dalam perkara-perkara yang berhubung dengan kemajuan Islam;
- g. Menggalakkan penyertaan ahli-ahli didalam pelbagai kegiatan ekonomi untuk meningkatkan taraf hidup masing-masing;
- h. Menggalakkan ahli-ahli memberikan sumbangan kewangan bulanan secara tetap atau berkala bagi memajukan tujuan pertubuhan.

5. KUASA-KUASA

Pertubuhan ini mempunyai kuasa-kuasa:-

- a. Menerima sumbangan atau derma daripada mana-mana pertubuhan atau individu;
- b. Menderma atau membelanja wang bagi menjalankan tujuan-tujuan Pertubuhan tertakluk kepada Peruntukan Perlembagaan ini;
- c. Membuat pelaburan mengikut cara dan syarat-syarat yang ditentukan dari semasa ke semasa oleh Majlis Tertinggi;
- d. Memperolehi, membeli, mengambil, memegang, menikmati dan memindah milik, menyerahhak, mencagar, menggadai-janji, menyerahhak semula, meletakhak atau melupuskan harta alih atau harta tidak alih, bagi tujuan-tujuan Pertubuhan;
- e. Mengenakan kutipan khas dari semua ahli bagi maksud tertentu untuk kepentingan pertubuhan berdasarkan keputusan Mesyuarat

Perwakilan;

- f. Memajukan mana-mana harta tidak alih samada kepunyaan Pertubuhan atau bukan, yang sesuai bagi memajukan tujuan-tujuan Pertubuhan, dengan syarat Pertubuhan tidak akan melibatkan diri dalam aktiviti perniagaan melainkan melalui anak-anak syarikat HIKMAH yang berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia;
- g. Membangun, menyokong dan membantu mana-mana skim atau projek yang bertujuan untuk mendapatkan wang bagi menolong atau mencapai tujuan-tujuan Pertubuhan;
- h. Membuat atau memberikan pinjaman wang dengan cagaran atau tidak sebagaimana yang difikirkan patut mengikut syarat-syarat yang diluluskan oleh Majlis Tertinggi;
- i. Menubuhkan anak-anak syarikat atau koperasi bagi tujuan- tujuan Pertubuhan dan ahli-ahli;
- j. Mewujudkan organisasi bagi mengurus dan mentadbir Pertubuhan;
- k. Menubuh dan mengendalikan institusi pendidikan bagi mencapai tujuan-tujuan Pertubuhan;
- l. Membantu pembangunan dan penyelenggaraan bangunan-bangunan atau tempat-tempat bagi tujuan ibadat atau kebajikan;
- m. Membelanjakan sekurang-kurangnya 70% daripada pendapatan dan derma yang diterima Pertubuhan untuk mencapai tujuan-tujuan Pertubuhan.

6. KEAHLIAN

- 1. Keahlian adalah terbuka kepada umat Islam yang berumur tidak kurang daripada tiga belas (13) tahun;
- 2. Tiap-tiap permohonan untuk menjadi ahli hendaklah disokong oleh seorang ahli dan dihantar kepada Setiausaha Cawangan di tempat pemohon. Setiausaha Cawangan itu hendaklah mengemukakan permohonan itu untuk dipertimbangkan oleh Jawatankuasa Cawangan dalam mesyuarat yang terdekat atau sekurang-kurangnya dalam tempoh tiga (3) bulan dari tarikh penerimaan permohonan

tersebut oleh Setiausaha Cawangan. Majlis Tertinggi berhak mempertimbangkan permohonan yang tidak diambil tindakan selepas tiga (3) bulan dari tarikh penerimaan oleh Setiausaha Cawangan. Pemohon yang tidak diluluskan permohonannya boleh membuat rayuan kepada Majlis Tertinggi dan Majlis Tertinggi boleh, selepas bersidang dan mendengar sebab-sebab penolakan oleh Jawatankuasa Cawangan, membuat keputusan muktamad;

3. Sebarang permohonan boleh juga dikemukakan kepada Setiausaha Agung Pertubuhan untuk dipertimbangkan oleh Majlis Tertinggi dan Majlis Tertinggi hendaklah mempunyai keputusan muktamad untuk sebarang keputusan permohonan tersebut. Majlis Tertinggi hendaklah mempunyai kuasa untuk meletakkan keahlian pemohon tersebut di mana-mana cawangan yang difikirkan perlu dan munasabah.
4. Tiap-tiap pemohon yang diterima sebagai ahli dan setelah menjelaskan yuran berkenaan berhak menikmati segala keistimewaan-keistimewaan sebagai ahli;
5. Mana-mana ahli yang berdaftar sebagai ahli di sesuatu Cawangan tidak boleh mendaftar diri sebagai ahli di mana-mana Cawangan yang lain;
6. Hanya Majlis Tertinggi mempunyai kuasa meluluskan permohonan dan/atau mengisyiharkan seseorang itu sebagai ahli seumur hidup. Ahli seumur hidup hendaklah didaftarkan di bawah HIKMAH Pusat dan dibenarkan menjadi ahli di salah satu cawangan pilihannya;
7. Semua ahli yang berusia 18 tahun ke atas mempunyai hak mengundi dan boleh dilantik untuk memegang sebarang jawatan dalam Pertubuhan. Mana-mana ahli yang bertanding sebagai calon didalam pilihanraya umum negeri atau persekutuan hendaklah melepaskan semua jawatan beliau di ranting, cawangan dan pusat. Walaubagaimanapun ahli tersebut masih boleh mengekalkan keahliannya kecuali ahli tersebut menyatakan sebaliknya.

7. BAYARAN MASUK, YURAN DAN LAIN-LAIN BAYARAN

1. Bayaran masuk dan yuran tahunan adalah seperti berikut:-

Ahli Biasa (di bawah 18 tahun):

Yuran Masuk – Percuma

Yuran Tahunan - RM5.00

Ahli Biasa:

(18 tahun dan ke atas)

Yuran masuk: RM10.00

Yuran tahunan: RM10.00

Yuran Keahlian Seumur Hidup: RM 500.00

2. Yuran tahunan hendaklah dibayar tidak lewat akhir bulan Mac pada tahun berkenaan kepada Bendahari Cawangan. Yuran boleh dibayar menerusi Bendahari Ranting tetapi semua resit rasmi hendaklah dikeluarkan oleh Bendahari Cawangan.

Bendahari Cawangan adalah dibenarkan untuk menerima yuran tahunan bagi tahun-tahun berikutnya secara sekaligus.

3. Seorang ahli biasa yang tidak membayar yurannya sehingga 1 Jun pada tahun berkenaan hendaklah diberi notis samada secara bersurat ataupun media elektronik oleh atau bagi pihak Setiausaha Cawangan, dan keistimewaan yang dinikmati sebagai ahli boleh digantung sehingga semua tunggakan yuran dijelaskan.
4. Cawangan boleh mencadangkan untuk memberhentikan keahlian seorang ahli biasa yang tidak membayar yuran tahunan selama dua tahun kepada Majlis Tertinggi untuk pertimbangan.
5. Majlis Tertinggi boleh mengecualikan bayaran masuk dan/atau yuran tahunan dan/atau yuran keahlian seumur hidup bagi mana-mana ahli atau pemohon atas sebab-sebab tertentu.
6. Mana-mana ahli yang tidak membayar kutipan khas yang telah diputuskan oleh Mesyuarat Perwakilan boleh digantung keahliannya oleh Majlis Tertinggi.

8. KEBERHENTIAN KEAHLIAN

1) PEMBERHENTIAN SEBAGAI AHLI

Seorang ahli yang hendak berhenti daripada menjadi ahli hendaklah memberi notis tidak kurang dari dua minggu secara bertulis kepada Setiausaha Cawangannya, dan segala hutang piutang hendaklah dijelaskan terlebih dahulu jika ada;

Seseorang ahli akan hilang kelayakan sebagai ahli sekiranya;

- i) Tidak upaya dari segi mental
 - ii) Disabitkan mana-mana kesalahan jenayah yang membawa kepada hukuman penjara lebih daripada satu (1) minggu atau denda melebihi RM 1,000
 - iii) Meninggal dunia
 - iv) Menarik Diri
 - v) Murtad
 - vi) Dipecat
- 2) Sekiranya terdapat apa-apa aduan terhadap mana-mana ahli berhubung apa-apa masalah disiplin atau melanggar peraturan-peraturan, perlombagaan atau perintah yang telah dikeluarkan oleh Majlis Tertinggi, Jawatankuasa Cawangan atau Ranting, aduan itu hendaklah di rujuk kepada Jawatankuasa Disiplin dan Jawatankuasa Disiplin hendaklah menyiasat dan mendengar aduan berkenaan dan mengemukakan cadangan dan laporan untuk tindakan Majlis Tertinggi;
- 3) Majlis Tertinggi setelah mendengar aduan dan penjelasan termasuk ahli tersebut mempunyai kuasa membuat keputusan muktamad.

9. PERHIMPUNAN PERWAKILAN TIGA TAHUN SEKALI

1. Perhimpunan Perwakilan hendaklah terdiri daripada wakil-wakil Cawangan dan ahli-ahli Majlis Tertinggi;
2. Wakil-wakil Cawangan hendaklah dipilih oleh Mesyuarat Perwakilan

Cawangan. Mesyuarat boleh melantik seorang wakil bagi tiap-tiap Ranting dalam sesebuah Cawangan dengan syarat jumlah maksima wakil sesebuah Cawangan ialah sepuluh (10) orang dengan mengambil kira bilangan ahli-ahli setiap Ranting di dalam cawangan-cawangan tersebut.

Bilangan perwakilan yang dipilih bagi sesuatu Cawangan hendaklah mengikut nisbah keahlian seperti berikut:-

- i) Bagi 100 orang ahli yang pertama 2 orang perwakilan;
- ii) Tiap-tiap tambahan 50 orang berikutnya seorang perwakilan; dan
- iii) Had maksima perwakilan untuk sesuatu cawangan 10 orang perwakilan.

- 3. Seseorang ahli Majlis Tertinggi tidak boleh dipilih sebagai wakil Cawangan.
- 4. Hanya ahli Majlis Tertinggi, wakil-wakil Cawangan berhak mengundi dalam Perhimpunan Perwakilan.
- 5. Pengurus Majlis hendaklah mempunyai undi pemutus dalam Perhimpunan Perwakilan.
- 6. Perhimpunan Perwakilan hendaklah dianggap mencukupi kuorum sekiranya bilangan yang menghadiri Perhimpunan Perwakilan berjumlah lebih daripada setengah jumlah bilangan wakil yang layak dari semua Cawangan dan Ahli Majlis Tertinggi.
- 7. Mana-mana ahli boleh mengikuti Perhimpunan Perwakilan sebagai pemerhati yang tidak mempunyai hak untuk mengundi atau bersuara setelah mendapat kebenaran bertulis daripada Yang Di Pertua.
- 8. Jika setelah setengah jam dari masa yang ditetapkan bagi Perhimpunan itu, korum tidak mencukupi, maka Perhimpunan Perwakilan hendaklah ditunda kepada suatu tarikh yang lain tidak lebih daripada sembilan puluh (90) hari yang ditentukan oleh Majlis Tertinggi. Jika korum tidak cukup setengah jam selepas masa yang ditentukan bagi Perhimpunan Perwakilan yang ditangguhkan itu, maka wakil-wakil dan ahli-ahli yang layak menghadiri dan berhak mengundi mempunyai kuasa untuk

menjalankan urusan biasa Perhimpunan Perwakilan pada hari itu kecuali membuat pindaan kepada Perlembagaan ini atau membuat sebarang keputusan yang melibatkan kepentingan keahlian secara keseluruhannya.

9. Perhimpunan Perwakilan Tiga Tahun Sekali hendaklah diadakan pada tarikh, waktu dan tempat yang ditentukan oleh Majlis Tertinggi setiap Tiga Tahun Sekali tetapi tidak lewat daripada bulan Jun bagi tahun yang berikut selepas tahun yang ketiga berakhir. Perkara-perkara yang diuruskan dalam Perhimpunan Perwakilan itu ialah seperti berikut:-

- a. Menerima laporan dari Majlis Tertinggi berhubung dengan perjalanan Pertubuhan dalam jangkamasa tiga tahun yang lalu;
- b. Menerima laporan daripada Bendahari dan Penyata Kewangan yang telah diaudit bagi tiga tahun yang lalu;
- c. Memilih Majlis Tertinggi, pegawai-pegawai yang diperakukan bagi maksud Seksyen 9 (b) Akta Pertubuhan 1966 dan melantik juruaudit atau juruaudit-juruaudit bagi tiga tahun yang akan datang.
- d. Membincang dan memutuskan usul-usul yang diketengahkan;
- e. Mengurus perkara-perkara lain yang telah dikemukakan untuk dibentang dalam Perhimpunan Perwakilan.

10. Notis untuk mengadakan Perhimpunan Perwakilan Tiga Tahun Sekali hendaklah dihantar oleh Setiausaha Agung kepada Setiausaha-Setiausaha Cawangan tidak lewat daripada enam puluh (60) hari sebelum tarikh yang telah ditetapkan untuk mengadakan Perhimpunan Perwakilan itu. Notis tersebut hendaklah juga dipaparkan di alamat pejabat berdaftar Pertubuhan. Notis tersebut hendaklah mengandungi perkara-perkara seperti berikut:-

- a. Tarikh, waktu dan tempat Perhimpunan Perwakilan itu akan diadakan;
- b. Permintaan usul-usul yang hendak dibincangkan dan usul-usul untuk meminda Perlembagaan; dan
- c. Permintaan penamaan pencalonan calon-calon untuk dipilih

sebagai ahli-ahli Majlis Tertinggi.

11. Selepas penerimaan notis tersebut daripada Setiausaha Agung, Setiausaha Cawangan hendaklah memanggil Mesyuarat Perwakilan Cawangan dalam tempoh dua puluh (20) hari selepas menerima notis tersebut.
12. Nama-nama calon untuk dipilih sebagai Ahli Majlis Tertinggi, dan usul-usul untuk dibincang di dalam Perhimpunan Perwakilan, hendaklah dihantar oleh Setiausaha Cawangan ataupun oleh ahli masing-masing kepada Setiausaha Agung tidak lewat daripada tiga puluh (30) hari setelah menerima notis tersebut.
13. Setiausaha Agung hendaklah menghantar kepada Setiausaha-Setiausaha Cawangan sekurang-kurangnya empat belas (14) hari sebelum Perhimpunan Perwakilan agenda termasuk salinan minit dan laporan-laporan, usul-usul dan nama-nama calon untuk dipilih sebagai ahli Majlis Tertinggi serta Penyata Kewangan yang telah diaudit bagi ketiga-tiga tahun yang lepas. Salinan-salinan risalah tersebut hendaklah diberi kepada tiap-tiap wakil Cawangan, dan disediakan, di Pejabat Pendaftar dan pejabat-pejabat Pertubuhan di Cawangan untuk pemeriksaan kesemua ahli.
14. Sekurang-kurangnya dua minggu notis Mesyuarat Perwakilan Cawangan hendaklah diberi kepada setiap Setiausaha Ranting.

10. PERHIMPUNAN PERWAKILAN LUAR BIASA

1. Perhimpunan Perwakilan Luar Biasa hendaklah diadakan untuk membincangkan isu-isu yang boleh menjelaskan kelangsungan atau integriti Pertubuhan:-
 - a) Apabila dikehendaki oleh Majlis Tertinggi; atau
 - b) Atas permintaan secara bertulis oleh tidak kurang daripada 50 peratus daripada jumlah Cawangan dengan menerangkan tujuan-tujuan Perhimpunan Perwakilan itu diadakan; atau
 - c) Atas arahan atau permohonan Yang DiPertua atau Timbalan Yang DiPertua, atas ketiadaan Yang DiPertua.

2. Perhimpunan Perwakilan Luar Biasa hendaklah diadakan pada suatu tarikh dalam tempoh tiga puluh (30) hari dari permohonan itu diterima.
3. Notis dan agenda bagi Perhimpunan Perwakilan Luar Biasa hendaklah dihantar oleh Setiausaha Agung kepada semua Setiausaha-Setiausaha Cawangan sekurang-kurangnya lima belas (15) hari sebelum tarikh yang ditetapkan untuk Perhimpunan Perwakilan itu.
4. Peruntukan berkenaan dengan korum dan penangguhan Perhimpunan Perwakilan Tiga Tahun Sekali juga dikenakan kepada Perhimpunan Perwakilan Luar Biasa akan tetapi jika korum tidak cukup setelah setengah (1/2) jam dari waktu yang ditentukan untuk Perhimpunan Perwakilan Luar Biasa maka Perhimpunan Perwakilan itu hendaklah dibatalkan dan Perhimpunan Perwakilan Luar Biasa tidaklah boleh diadakan untuk tujuan yang sama sehingga sekurang-kurangnya selepas enam (6) bulan dari tarikh tersebut.
5. Semua Pemegang Jawatan Majlis Tertinggi mempunyai sama hak seperti wakil-wakil Cawangan di Perhimpunan Perwakilan Luar Biasa.

11. BIDANG KUASA PERHIMPUNAN PERWAKILAN

Tertakluk kepada Perlembagaan ini, Perhimpunan Perwakilan mempunyai kuasa memutus bagi mengatur perjalanan dan membuat sebarang perkara bagi mencapai segala tujuan termasuk:-

- a) Menetapkan dasar-dasar dan garis panduan Pertubuhan;
- b) Menggubal dan melulus peraturan-peraturan dan kaedah-kaedah mengenai mana-mana aspek urusan Pertubuhan;
- c) Memberi arahan-arahan yang tertentu kepada Majlis Tertinggi;
- d) Meminda Perlembagaan Pertubuhan dari semasa ke semasa;
- e) Mengesahkan akaun tahunan pertubuhan yang telah di audit;
- f) Menurunkan kepada Majlis Tertinggiatau manajawatankuasa, sebarang kuasa sama ada secara umum atau mengenai hal-hal tertentu;
- g) Memberi arahan atau menetapkan syarat-syarat ke atas penggunaan

kuasa-kuasa yang diturunkan;

- h) Membatalkan mana-mana kuasa yang diturunkan dari semasa ke semasa.;
- i) Menimbang dan membuat keputusan ke atas usul-usul yang telah dibentangkan.

12. MAJLIS TERTINGGI

1. Majlis Tertinggi adalah terdiri daripada pemegang-pemegang jawatan yang hendaklah dipilih atau dilantik seperti berikut:-
 - a. Seorang (1) Yang DiPertua yang dipilih dan berumur tidak kurang daripada empat puluh (40) tahun.
 - b. Seorang Timbalan Yang DiPertua yang dipilih;
 - c. (i) Tidak lebih dari (3) orang Naib Yang DiPertua dipilih;
(ii) Seorang Naib Yang DiPertua dilantik oleh Yang DiPertua
 - d. Seorang (1) Setiausaha Agung yang dilantik oleh Yang DiPertua;
 - e. Tidak lebih daripada dua (2) orang Penolong Setiausaha Agung seorang daripadanya ahli wanita yang dilantik oleh Setiausaha Agung dengan persetujuan Yang DiPertua;
 - f. Seorang (1) Bendahari yang dilantik oleh Yang DiPertua;
 - g. Seorang (1) Penolong Bendahari yang dilantik oleh Bendahari dengan persetujuan Yang DiPertua;
 - h. Seorang Setiausaha Perhubungan Awam yang dipilih dalam Perhimpunan Perwakilan Tiga Tahun Sekali;
 - i. Tidak lebih daripada dua orang Penolong Setiausaha Perhubungan Awam yang dilantik oleh Setiausaha Perhubungan Awam dengan persetujuan Yang DiPertua;
 - j. Tidak lebih daripada lima belas (15) orang Ahli Majlis Tertinggi yang dipilih; dan

- k. Seorang wakil yang dilantik dari setiap Cawangan.
 - 2. Majlis Tertinggi hendaklah bermesyuarat sekurang-kurangnya dua kali setahun.
 - 3. Notis bagi tiap-tiap mesyuarat hendaklah dihantar kepada ahli-ahlinya selewat-lewatnya tujuh (7) hari sebelum mesyuarat itu diadakan.
 - 4. Korum bagi mesyuarat Majlis Tertinggi ialah satu pertiga daripada jumlah keahlian.
 - 5. Apabila mesyuarat Majlis Tertinggi tidak dapat diadakan untuk membuat sesuatu keputusan maka Setiausaha Agung hendaklah mendapat kelulusan tersebut secara surat pekeliling.
 - 6. Tatacara Pemilihan
- Nama-nama calon bagi jawatan-jawatan tersebut dalam perenggan 1(a), 1(b), 1(c), 1(h) dan 1(j) di atas hendaklah dicadang dan disokong oleh mana-mana Jawatankuasa Cawangan ataupun oleh mana-mana Ahli Majlis Tertinggi, dan pemilihan mereka hendaklah dengan majoriti mudah di dalam Perhimpunan Perwakilan Tiga Tahun Sekali. Tempoh bagi semua pemegang jawatan ialah tiga (3) tahun dan semua pemegang jawatan boleh dipilih semula.
- 7. Seseorang Ahli Majlis Tertinggi yang tidak hadir tiga (3) kali berturut-turut dalam Mesyuarat Majlis Tertinggi tanpa memberi penjelasan yang munasabah boleh diambil tindakan oleh Majlis Tertinggi.
 - 8. Ahli Majlis Tertinggi yang telah diambil tindakan disiplin tidak dibenarkan memegang apa-apa jawatan dalam Majlis Tertinggi dalam tempoh masa yang ditetapkan oleh Majlis Tertinggi.

13. KUASA MAJLIS TERTINGGI

Tertakluk kepada Perlembagaan ini, Majlis Tertinggi bertanggungjawab ke atas pengurusan kegiatan-kegiatan dan pentadbiran Pertubuhan mengikut garis panduan dan dasar yang diluluskan dalam Perhimpunan Perwakilan dan tanpa menyentuh keluasan peruntukan ini ianya mempunyai bidangkuasa seperti berikut:-

- a. Mengatur, menentu, menyelaras dan mengawas pentadbiran Pertubuhan di semua peringkat;
- b. Menubuh dan melantik ahli-ahli Majlis Syura untuk menasihati Majlis Tertinggi berkaitan dengan hukum syarak;
- c. Menubuh, mengarah dan memberi sebarang kuasa kepada Jawatankuasa-Jawatankuasa berikut:-
 - (i). J/Kuasa Induk Dakwah;
 - (ii). J/Kuasa Induk Pengurusan dan Pentadbiran;
 - (iii). J/Kuasa Induk Kewangan dan Pelaburan;
 - (iv). J/Kuasa Keahlian;
 - (v). J/Kuasa Disiplin; dan
 - (vi). Lain-lain Jawatankuasa yang difikirkan perlu
- d. Memecat atau menggantung seseorang ahli jika didapati melanggar sebarang peruntukan Perlembagaan ini atau undang-undang lain yang berkuatkuasa berdasarkan perakuan JK Disiplin;
- e. Memecat atau menggantung jawatan Ahli Majlis Tertinggi yang telah diambil tindakan disiplin dalam tempoh masa yang akan ditetapkan oleh Majlis Tertinggi;
- f. Melantik atau memberhentikan Pengarah-pengarah syarikat subsidiari;
- g. Menerima laporan aktiviti dan meluluskan perancangan tahunan Pertubuhan;
- h. Menerima laporan kewangan dan meluluskan anggaran belanjawan tahunan Pertubuhan;
- i. Memaklumkan kepada semua Ahli Lembaga yang dilantik dalam anak syarikat untuk mematuhi dasar dan peraturan yang telah ditetapkan oleh Majlis Tertinggi;
- j. Menerima laporan perkembangan dan kewangan untuk semua anak-anak syarikat;

- k. Mentafsir dan mentakrif peruntukan dalam Perlembagaan atau Peraturan-peraturan Pertubuhan.
- l. Melaporkan tentang urusan pertubuhan kepada Perhimpunan Perwakilan;

14. TUGAS-TUGAS PEMEGANG-PEMEGANG JAWATAN

- 1. Yang DiPertua hendaklah mempengarusikan semua Perhimpunan Perwakilan dan mesyuarat Majlis Tertinggi serta bertanggungjawab atas kesempurnaan perjalanan mesyuarat-mesyuarat itu. Yang DiPertua mempunyai undi pemutus dan hendaklah menandatangani minit-minit tiap-tiap mesyuarat.
- 2. Timbalan Yang DiPertua hendaklah memangku Jawatan Yang DiPertua semasa ketiadaan Yang DiPertua.
- 3. Salah seorang Naib Yang DiPertua hendaklah memangku jawatan Yang DiPertua semasa ketiadaan Yang DiPertua dan Timbalan Yang DiPertua.
- 4. Setiausaha Agung hendaklah menguruskan pekerjaan Pertubuhan mengikut Perlembagaan dan Peraturan-Peraturan yang telah ditetapkan oleh Majlis Tertinggi, hadir dalam semua mesyuarat Majlis Tertinggi dan Perhimpunan Perwakilan, dan mencatat perjalanan mesyuarat.
- 5. Penolong-penolong Setiausaha Agung hendaklah membantu Setiausaha Agung dalam menjalankan tugas-tugasnya dan salah seorang dari mereka hendaklah memangku jawatan itu semasa ketiadaan Setiausaha Agung.
- 6. Bendahari hendaklah bertanggungjawab mengenai semua urusan kewangan Pertubuhan termasuk menyimpan rekod-rekodnya yang kemaskini dan betul.
- 7. Penolong Bendahari hendaklah membantu Bendahari dalam menjalankan tugas-tugasnya dan hendaklah memangku jawatan itu semasa ketiadaan Bendahari.
- 8. Setiausaha Perhubungan Awam adalah bertanggungjawab dalam hal penerangan berkaitan dengan dasar, pendirian dan aktiviti-aktiviti

Pertubuhan;

9. Penolong-Penolong Setiausaha Perhubungan Awam hendaklah membantu Setiausaha Perhubungan Awam dalam menjalankan tugas-tugasnya dan hendaklah salah seorang dari mereka hendaklah memangku jawatan itu semasa ketiadaan Setiausaha Perhubungan Awam.

15. DASAR PENGURUSAN KEWANGAN

1. Segala pendapatan dan harta Pertubuhan hendaklah digunakan semata-mata untuk kepentingan Pertubuhan dan tidak sebahagian daripadanya boleh dibayar ataupun dipindahkan secara terus atau sebaliknya samada berupa saham, dividen atau bonus maupun sebaliknya kepada mana-mana ahli kakitangan Pertubuhan. Walau bagaimanapun bayaran saguhati atau upah boleh diberikan sebagai membala jasa atas perkhidmatan yang telah diberikan kepada Pertubuhan.
2. Bendahari bolehlah menyimpan wang tunai tidak lebih daripada RM1,000.00 bagi sesuatu masa. Sekalian wang yang lebih daripada jumlah itu hendaklah disimpan dalam bank yang dipersetujui oleh Majlis Tertinggi dalam tempoh tujuh hari wang itu diterima oleh Bendahari. Kira-kira akaun bank hendaklah disimpan atas nama Pertubuhan.
3. Mana-mana perbelanjaan lebih daripada RM10,000.00 bagi sesuatu masa hendaklah mendapat kelulusan Majlis Tertinggi. Perbelanjaan yang kurang daripada RM10,000.00 boleh dilulus bersama pada bila-bila masa oleh Yang Dipertua dan Setiausaha Agung.
4. Dengan seberapa cepat mungkin setelah tamatnya tiap-tiap tahun kewangan, suatu penyata kewangan mengenai pendapatan dan perbelanjaan dan suatu timbangan kira-kira bagi tahun yang berkenaan hendaklah disediakan oleh Bendahari dan diperiksa oleh Juruaudit atau Juruaudit-juruaudit yang dilantik di bawah Peraturan 18. Penyata Kewangan yang telah diaudit hendaklah dikemukakan untuk dibentangkan dalam Perhimpunan Perwakilan Tiga Tahun Sekali dan salinan-salinannya hendaklah dipamer pada papan kenyataan atau di pejabat dan ditiap-tiap Ibu Pejabat Cawangan untuk makluman

ahli-ahli.

5. Syarat Pengeluaran Cek

- a. Jumlah RM10,000.00 ke bawah hendaklah ditandatangani oleh Bendahari HIKMAH dan salah seorang daripada mereka yang tersebut iaitu:-
 - (i). Yang DiPertua;
 - (ii). Timbalan Yang DiPertua; dan
 - (iii). Setiausaha Agung
- b. Jumlah lebih RM10,000.00 hingga RM500,000.00 hendaklah ditandatangani oleh Bendahari HIKMAH, Yang DiPertua HIKMAH atau Pemangku Yang DiPertua HIKMAH dan Timbalan Yang DiPertua atau Setiausaha Agung HIKMAH; dan
- c. Jumlah ke atas RM500,000.00 hendaklah ditandatangani oleh Bendahari HIKMAH, Yang DiPertua HIKMAH dan Setiausaha Agung HIKMAH atau Timbalan Yang DiPertua HIKMAH.

16. MAJLIS SYURA

1. Majlis Syura adalah diwujud sebaik saja Perhimpunan Perwakilan Tiga Tahun Sekali diadakan.
2. Ahli Majlis Syura hendaklah mengandungi Yang DiPertua, Timbalan Yang DiPertua, tidak melebihi dari tiga (3) Naib Yang DiPertua dan tidak lebih daripada 10 ahli lain yang terdiri daripada golongan profesional yang dilantik oleh Majlis Tertinggi. Golongan profesional yang dilantik hendaklah terdiri daripada ahli-ahli Pertubuhan.
3. Majlis Syura boleh bermesyuarat pada bila-bila masa dan separuh daripada bilangan ahlinya hendaklah hadir bagi mencukup korum. Notis mesyuarat hendaklah sekurang-kurangnya 3 hari sebelum mesyuarat diadakan.
4. Sebarang kekosongan jawatan boleh diisi oleh Yang DiPertua pada bila-bila masa.

17. PERLANTIKAN PENASIHAT UNDANG-UNDANG

Majlis Tertinggi boleh melantik seorang peguam atau beberapa orang peguam atau firma-firma guaman sebagai penasihat undang-undang (jika difikirkan perlu) dan bayaran perkhidmatan yang dikenakan boleh dibayar.

18. PERLANTIKAN JURUAUDIT

1. Seorang atau lebih yang bukan Pemegang Jawatan Pertubuhan boleh dilantik dalam Perhimpunan Perwakilan Tiga Tahun Sekali sebagai Juruaudit Kehormat atau Juruaudit-Juruaudit Kehormat.
2. Sekiranya difikirkan perlu, Perhimpunan Perwakilan bolehlah melantik sebuah firma Audit yang bertauliah sebagai Juruaudit Pertubuhan dan bayaran khidmat yang dikenakan boleh dibayar.
3. Juruaudit atau Juruaudit-Juruaudit dihendaki memeriksa kira-kira Pertubuhan bagi tiap-tiap tahun untuk tiga tahun dan menyediakan laporan ataupun sijil bagi Perhimpunan Perwakilan Tiga Tahun Sekali. Yang DiPertua atau Timbalannya boleh juga mengarah Juruaudit atau Juruaudit-Juruaudit Kehormat untuk memeriksa kira-kira akaun mana-mana Pertubuhan dan Cawangan atau Ranting pada bila-bila masa yang dikehendaki.

19. PEGAWAI-PEGAWAI YANG DIPERAKUKAN

1. Tiga Pegawai yang terdiri daripada pemegang-pemegang jawatan dan berusia lebih daripada 30 tahun hendaklah dilantik di dalam Perhimpunan Perwakilan Tiga Tahun Sekali bagi maksud Seksyen 9 (b) Akta Pertubuhan, 1966.
2. Mereka hendaklah memegang jawatan sehingga tempoh bagi mereka memegang jawatan berakhir di Perhimpunan Perwakilan Tiga Tahun Sekali akan datang dan mereka layak untuk dipilih semula.
3. Pegawai-pegawai yang dilantik di bawah undang-undang ini hendaklah mengurus harta tetap Pertubuhan sebagaimana yang dikehendaki oleh Perhimpunan Perwakilan tetapi semua harta tetap Pertubuhan hendaklah didaftar atas nama Pertubuhan.

4. Mereka tidak boleh menjual, menarik balik atau menukar harta kepunyaan Pertubuhan dengan tidak ada persetujuan dan kuasa yang diberikan oleh Majlis Tertinggi.
5. Seorang Pegawai yang diperakukan boleh dilucutkan daripada jawatannya oleh Perhimpunan Perwakilan oleh sebab uzur kerana sakit, tidak siuman, tidak berada di dalam negeri atau kerana lain-lain sebab yang menyebabkan ia tidak boleh menjalankan tugasnya atau pekerjaannya tidak memuaskan. Jika berlaku kematian, perletakan jawatan atau pembuangan bagi seorang Pegawai yang diperakukan sebelum Perhimpunan Perwakilan Tiga Tahun Sekali maka kekosongan itu bolehlah dipenuhi oleh Perhimpunan Perwakilan Luar Biasa yang diadakan untuk tujuan tersebut.
6. Mana-mana dokumen termasuk perjanjian jualbeli, pindah milik harta, perjanjian pelaburan melibatkan pihak ketiga hendaklah ditandatangani oleh mana-mana dua orang daripada tiga orang pegawai yang diperakukan.

20. PEMBUBARAN

1. Pertubuhan ini boleh dibubar dengan sukarela oleh suatu keputusan yang dipersetujui dalam suatu Perhimpunan Perwakilan Pertubuhan yang diadakan khas untuk tujuan tersebut dan keputusan itu hendaklah dipersetujui oleh tidak kurang dari dua pertiga bilangan ahli Majlis Tertinggi dan Perwakilan yang layak hadir dan mengundi di Perhimpunan tersebut.
2. Apabila Pertubuhan dibubar semua hutang piutang yang ada dan dikenakan bagi pihak Pertubuhan hendaklah dijelaskan dengan penuhnya, dan harta-harta yang lain atau bakinya hendaklah didermakan kepada Kerajaan (Persekutuan atau Negeri), ataupun kepada mana-mana Pertubuhan yang mempunyai sama tujuan dengan Pertubuhan ini dan yang telah mendapat kelulusan daripada Ketua Pengarah Hasil Dalam Negeri, Malaysia sebagaimana yang diputuskan oleh Perhimpunan Perwakilan.
3. Notis pembubaran hendaklah dikemukakan kepada Pendaftar Pertubuhan dalam tempoh 14 hari dari tarikh keputusan pembubaran pertubuhan.

21. PENDAFTARAN CAWANGAN DAN RANTING

Cawangan-cawangan hendaklah di daftar dengan pejabat Pendaftar Pertubuhan mengikut Seksyen 12 Akta Pertubuhan 1966 manakala Ranting hendaklah di daftar dengan Ibu Pejabat HIKMAH melalui cawangan masing-masing.

22. PENUBUHAN CAWANGAN

1. Hanya satu Cawangan boleh ditubuh di setiap Bahagian Pentadbiran dalam Negeri Sarawak dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan penubuhan setiap Cawangan hendaklah diperakukan oleh Majlis Tertinggi.
2. Penubuhan setiap Cawangan hendaklah berpandu kepada jadual penubuhan cawangan.
3. Satu Cawangan itu hendaklah mengandungi pemegang-pemegang jawatan seperti berikut:-
 - a) Seorang Pengurus Cawangan;
 - b) Seorang Timbalan Pengurus Cawangan;
 - c) Seorang Naib Pengurus Cawangan;
 - d) Seorang Setiausaha Cawangan;
 - e) Penolong Setiausaha Cawangan;
 - f) Seorang Bendahari Cawangan;
 - g) Seorang Penolong Bendahari Cawangan dengan persetujuan Perwakilan Cawangan;
 - h) Tidak lebih dari tujuh (7) orang yang dipilih oleh Mesyuarat Perwakilan Cawangan;
 - i) Tidak lebih dari tiga (3) orang Ahli Cawangan yang dilantik oleh Pengurus Cawangan dengan persetujuan Jawatankuasa Cawangan.

4. Pengurus, Timbalan Pengurus, seorang Naib Pengurus, dan tujuh orang ahli Jawatankuasa Cawangan hendaklah dipilih dalam Mesyuarat Perwakilan Cawangan Tiga Tahun Sekali.
5. Setiausaha Cawangan, Penolong Setiausaha Cawangan dan Bendahari Cawangan dan Penolong Bendahari Cawangan hendaklah dilantik oleh Pengurus Cawangan dengan persetujuan, Jawatankuasa Cawangan dan akan memegang jawatan masing-masing sehingga Mesyuarat Perwakilan yang akan datang.

23. FUNGSI JAWATANKUASA CAWANGAN

1. Jawatankuasa Cawangan hendaklah bersidang sekurang - kurangnya sekali dalam masa tiga bulan atau pada sebarang masa yang dikehendaki oleh Pengurus Cawangan atau dengan permintaan bersurat secara bersama daripada satu pertiga bilangan-bilangan Ranting dalam Cawangan berkenaan.
2. Sebarang Mesyuarat Jawatankuasa Cawangan hendaklah dipengerusikan oleh Pengurus atau Timbalan Pengurus Cawangan dan sekiranya mereka tidak hadir salah seorang daripada Naib-naib Pengurus dan sekiranya mereka tidak juga hadir, maka mana-mana ahli Jawatankuasa Cawangan boleh mempengerusikan Mesyuarat tersebut.
3. Tanggungjawab Jawatankuasa Cawangan itu ialah seperti berikut:-
 - (a) Bekerjasama dengan Majlis Tertinggi dalam mengaturkan dan mengemaskinkan perjalanan Ranting-Ranting dibawah penguasaannya;
 - (b) Menyampaikan dan menjalankan arahan-arahan yang diterima daripada Majlis Tertinggi; dan
 - (c) Memberhentikan Ahli Jawatankuasa Cawangan setelah didapati tidak menunaikan tugas serta mengisi sebarang kekosongan jawatan dan Jawatankuasa Cawangan sehingga Mesyuarat Perwakilan Tiga Tahun Sekali yang akan datang.
 - (d) Menyiapkan laporan kewangan tahunan cawangan yang mesti disampaikan kepada Bendahari HIKMAH tiga bulan selepas berakhirnya tahun kewangan HIKMAH.

24. MESUARAT PERWAKILAN CAWANGAN TIGA TAHUN SEKALI

- 1.** Mesyuarat Perwakilan Cawangan Tiga Tahun Sekali hendaklah diadakan pada tarikh, waktu dan tempat yang ditentukan oleh Jawatankuasa Cawangan selepas setiap tahun kewangan yang ketiga berakhir tetapi tidak lewat daripada bulan Jun bagi tahun yang berikutan.
- 2.** Sebarang Mesyuarat Perwakilan Cawangan hendaklah mengandungi seperti berikut:-
 - (a) Ahli-ahli Jawatankuasa Cawangan;
 - (b) Ketua-ketua Ranting di bawah penguasaannya, sekiranya Ketua Ranting sendiri tidak dapat hadir maka bolehlah diwakil oleh seorang ahli Jawatankuasa Ranting lain; dan
 - (c) Dua orang wakil lain yang dilantik oleh Mesyuarat Perwakilan Ranting bagi setiap Ranting dalam Cawangan berkenaan.
- 3.** Kerja-kerja Mesyuarat Perwakilan Cawangan hendaklah seperti berikut:-
 - (a) Menerima laporan Jawatankuasa Cawangan mengenai aktiviti-aktiviti yang dijalankannya sepanjang tempoh tiga tahun yang lalu;
 - (b) Menerima laporan Bendahari Cawangan dan penyata kira-kira bagi tempoh tiga tahun yang lalu;
 - (c) Melantik/memilih ahli-ahli Jawatankuasa Cawangan baru dan Juruaudit atau Juruaudit-Juruaudit Kehormat untuk tempoh yang akan datang;
 - (d) Tertakluk kepada Fasal 9 (2), Cawangan hendaklah melantik tidak lebih daripada sepuluh (10) orang Wakil ke Perhimpunan Perwakilan Pertubuhan bagi sepanjang tempoh yang akan datang;
 - (e) Perkara-perkara lain yang telah dipersetujui untuk dibentangkan.
- 4.** Semua ahli yang menghadiri Mesyuarat Perwakilan Cawangan hendaklah membawa surat tauliah daripada Pengerusi atau Setiausaha Ranting masing-masing.
- 5.** Semua keputusan Mesyuarat Perwakilan Cawangan hendaklah dirujukkan kepada Majlis Tertinggi untuk makluman dan perhatian.

6. (a) Pengerusi Cawangan yang dilantik hendaklah menjadi Pengerusi didalam sebarang Mesyuarat Perwakilan Cawangan melainkan jika Pengerusi Cawangan ini tidak hadir atau meminta berhenti atau diberhentikan oleh Mesyuarat Perwakilan Cawangan maka Mesyuarat Perwakilan Cawangan berkuasa melantik seorang daripada ahli-ahli yang hadir menjadi Pengerusi Perwakilan itu sahaja.
(b) Peraturan-peraturan tetap dan perintah-perintah Persidangan Perhimpunan Perwakilan yang dikeluarkan oleh Majlis Tertinggi hendaklah digunakan oleh Mesyuarat Perwakilan Cawangan.

25. TUGAS-TUGAS PEMEGANG JAWATAN CAWANGAN

1. Pengerusi Cawangan hendaklah mempengerusikan semua Perhimpunan Perwakilan dan Mesyuarat Jawatankuasa Cawangan serta bertanggungjawab atas kesempurnaan perjalanan Mesyuarat itu, Pengerusi Cawangan mempunyai undi pemutus dan hendaklah menandatangani minit-minit setiap Mesyuarat.
2. Timbalan Pengerusi Cawangan hendaklah memangku jawatan Pengerusi Cawangan semasa ketiadaan Pengerusi Cawangan semasa ketiadaan Pengerusi.
3. Salah seorang Naib Pengerusi Cawangan hendaklah memangku Jawatan Pengerusi Cawangan semasa ketiadaan Pengerusi Cawangan dan Timbalan Pengerusi Cawangan.
4. Setiausaha Cawangan hendaklah menguruskan perjalanan Pertubuhan mengikut Perlembagaan dan Peraturan-peraturan yang ditetapkan oleh Majlis Tertinggi dan Jawatankuasa Cawangan dari semasa ke semasa. Setiausaha Cawangan hendaklah hadir dalam semua Mesyuarat Jawatankuasa Cawangan dan Perhimpunan Perwakilan Cawangan dan mencatat prosiding semua Mesyuarat. Setiausaha Cawangan hendaklah membuat laporan aktiviti tahunan cawangan yang mesti dihantar kepada Setiausaha Agung HIKMAH melalui Ketua Pegawai Eksekutif HIKMAH sebelum bulan Mac setiap tahun bagi tahun yang lepas.
5. Setiausaha Cawangan hendaklah mengemukakan permohonan untuk menjadi ahli untuk dipertimbangkan oleh jawatankuasa cawangan

dalam mesyuarat yang terdekat ataupun sekurang-kurangnya dalam tempoh tiga bulan dari tarikh penerimaan permohonan tersebut oleh setiausaha cawangan.

6. Penolong Setiausaha Cawangan hendaklah membantu Setiausaha Cawangan dalam menjalankan tugas-tugasnya dan hendaklah memangku Jawatan itu semasa ketiadaan Setiausaha Cawangan.
7. Bendahari Cawangan hendaklah bertanggungjawab mengenai semua urusan kewangan Pertubuhan termasuk penyimpanan rekod-rekod yang betul. Bendahari Cawangan hendaklah membuat belanjawan tahunan cawangan dan laporan kewangan tahunan kewangan untuk kelulusan Jawatankuasa Cawangan dan mesti dihantar kepada Bendahari HIKMAH melalui Ketua Pegawai Eksekutif HIKMAH pada masa yang ditetapkan oleh Bendahari HIKMAH.
8. Penolong Bendahari Cawangan hendaklah membantu Bendahari dalam menjalankan tugas-tugasnya dan hendaklah memangku jawatan itu semasa ketiadaan Bendahari Cawangan.

26. PENUBUHAN RANTING

1. Ranting boleh ditubuhkan di mana-mana tempat di dalam sesebuah Cawangan sekiranya mempunyai sekurang-kurangnya 30 orang ahli.
2. Penubuhan Ranting hendaklah diperakukan oleh Jawatankuasa Cawangan untuk kelulusan Majlis Tertinggi;
3. Perjalanan sesebuah Ranting adalah tertakluk kepada Peraturan-peraturan seperti dalam Jadual;
4. Satu Ranting itu hendaklah mengandungi pemegang-pemegang jawatan seperti berikut:-
 - (a) Seorang Pengerusi Ranting;
 - (b) Seorang Timbalan Pengerusi Ranting;
 - (c) Seorang Setiausaha Ranting;
 - (d) Seorang Penolong Setiausaha Ranting;

- (e) Seorang Bendahari Ranting;
 - (f) Seorang Penolong Bendahari Ranting yang dilantik dengan persetujuan Pengerusi Ranting;
 - (g) Seorang Pegawai Perhubungan Ranting;
 - (h) Tidak lebih dari lima (5) orang yang dipilih dalam Mesyuarat Agung Ranting;
 - (i) Tidak lebih dari dua (2) orang ahli biasa Persatuan yang dilantik oleh Ketua Ranting dan
5. Pengerusi, Timbalan Pengerusi dan lima (5) orang ahli Jawatankuasa Ranting hendaklah dipilih di dalam Mesyuarat Agung Ranting Tiga Tahun Sekali.
6. Seorang Setiausaha dan Bendahari Ranting hendaklah dilantik oleh Pengerusi Ranting dengan persetujuan Jawatankuasa dan akan memegang jawatan itu sehingga diadakan Mesyuarat Agung Tahunan yang berikut atau ia meminta berhenti atau diberhentikan dengan apa jua sebab sekalipun.

27. FUNGSI JAWATANKUASA RANTING

- 1. Jawatankuasa Ranting hendaklah bersidang sekurang-kurangnya sekali dalam masa 3 bulan atau pada sebarang masa yang dikehendaki;
- 2. Mesyuarat Jawatankuasa Ranting boleh diadakan pada bila-bila masa yang dikehendaki oleh Pengerusi atau dengan permintaan daripada setengah daripada ahli-ahli Jawatankuasa.
- 3. Sebarang Mesyuarat Jawatankuasa hendaklah dipengerusikan oleh Pengerusi dan sekiranya Pengerusi itu tidak hadir boleh Timbalan Pengerusi atau Pemangku mengambil tempatnya sebagai Pengerusi Mesyuarat.
- 4. Tidaklah boleh diadakan sebarang Mesyuarat Biasa Jawatankuasa Ranting melainkan dengan dihadiri oleh Pengerusi atau Timbalan Pengerusi Ranting atau Pemangkunya.

Tanggungjawab Jawatankuasa Ranting ialah:-

- (a) Bekerjasama dengan Jawatankuasa Cawangan dalam mengatur perjalanan di dalam Ranting;
 - (b) Menyampai dan menjalankan arahan yang diterima daripada Jawatankuasa Cawangan dan Majlis Tertinggi dari semasa ke semasa;
 - (c) Berikhtiar dan berusaha mencari sumber kewangan untuk memajukan Ranting nya;
 - (d) Bekerjasama dengan Ranting-Ranting yang lain dalam segala lapangan yang dikehendaki; dan
 - (e) Mengambil tindakan ke atas ahli-ahli yang melanggar mana-mana Peraturan dan/atau Perintah yang dikeluarkan oleh Jawatankuasa atau Majlis Tertinggi untuk tindakan Perlembagaan;
5. Jawatankuasa Ranting hendaklah bersidang sekurang-kurangnya sekali dalam masa tiga bulan atau pada sebarang masa yang dikehendaki oleh Pengerusi Ranting atau dengan permintaan bersurat secara bersama daripada satu pertiga bilangan-bilangan Ranting dalam Ranting berkenaan;
6. Sebarang Mesyuarat Jawatankuasa Ranting hendaklah dipengerusikan oleh Pengerusi atau Timbalan Pengerusi Ranting dan sekiranya mereka tidak hadir salah seorang daripada Naib-naib Pengerusi dan sekiranya mereka tidak juga hadir, maka mana-mana ahli Jawatankuasa Ranting boleh mempengarusikan Mesyuarat tersebut;

28. MESUARAT TIGA TAHUN SEKALI RANTING

1. Mesyuarat Jawatankuasa Ranting Tiga Tahun Sekali hendaklah diadakan pada tarikh, waktu dan tempat yang ditentukan oleh Jawatankuasa Ranting selepas setiap tahun kewangan yang ketiga berakhir tetapi tidak lewat daripada bulan Februari bagi tahun yang berikut.
2. Mesyuarat Tiga Tahun Sekali Ranting hendaklah mengandungi seperti berikut:-
 - i. Jawatankuasa Ranting; dan
 - ii. Ahli-ahli yang telah menjelaskan yuran tahunan Ranting bagi tahun yang berkenaan.

3. Mesyuarat Tiga Tahun Sekali Ranting hendaklah memilih:-
 - i. Ranting sebagaimana yang di nyatakan didalam Fasal 26;
 - ii. Tiga orang wakil ke Mesyuarat Perwakilan Cawangan;
 - iii. Dua orang pemerhati (tanpa hak mengundi) ke Mesyuarat Perwakilan Cawangan.
4. Semua keputusan persidangan Mesyuarat hendaklah dirujukkan kepada Jawatankuasa Cawangan atau kepada Mesyuarat Perwakilan Cawangan untuk maklumat dan perhatian.
5. Sebarang Mesyuarat Tiga Tahun Sekali Ranting hendaklah dipengerusikan oleh Pengerusi Ranting dan sekiranya ia tidak hadir Timbalan Pengerusi hendaklah mempengerusikan Majlis Mesyuarat dan jika kedua-duanya tidak hadir, boleh Mesyuarat itu melantik seorang lain daripada ahli biasa menjadi Pengerusi Mesyuarat.
6. Sekurang-kurangnya dua minggu notis mesyuarat Tiga Tahun Sekali hendaklah diberi kepada ahli-ahli.

29. TUGAS-TUGAS PEMEGANG JAWATAN RANTING

1. Pengerusi Ranting hendaklah mempengerusikan semua Mesyuarat serta bertanggungjawab atas kesempurnaan perjalanan Mesyuarat itu, Pengerusi mempunyai undi pemutus dan hendaklah menandatangani minit-minit setiap Mesyuarat.
2. Timbalan Pengerusi Ranting hendaklah memangku jawatan Pengerusi Cawangan semasa ketiadaan Pengerusi.
3. Setiausaha Ranting hendaklah menguruskan perjalanan Ranting mengikut Perlembagaan dan Peraturan-peraturan yang ditetapkan oleh Jawatankuasa Ranting dari semasa ke semasa. Setiausaha Ranting hendaklah hadir dalam semua Mesyuarat dan mencatat prosiding semua Mesyuarat.
4. Penolong Setiausaha Ranting hendaklah membantu Setiausaha dalam menjalankan tugas-tugasnya dan hendaklah memangku jawatan itu semasa ketiadaan Setiausaha.

5. Bendahari Ranting hendaklah bertanggungjawab mengenai semua urusan kewangan Ranting termasuk menyimpan rekod-rekodnya dengan betul.
6. Penolong Bendahari Ranting hendaklah membantu Bendahari dalam menjalankan tugas-tugasnya dan hendaklah memangku jawatan itu semasa ketiadaan Bendahari.
7. Setiausaha Perhubungan Awam Ranting adalah bertanggungjawab dalam hal penerangan berkaitan dengan asas-asas dan tujuan Pertubuhan.
8. Penolong Setiausaha Perhubungan Awam Ranting hendaklah membantu Setiausaha Perhubungan Awam dalam menjalankan tugas-tugasnya dan hendaklah memangku jawatan itu semasa ketiadaan Setiausaha Perhubungan Awam.

30. PEMBUBARAN DAN PEMBATALAN CAWANGAN DAN RANTING

1. Mana-mana Cawangan atau Ranting boleh dibubarkan oleh Majlis Tertinggi atas sebab-sebab tertentu seperti perlanggaran Perlembagaan ini atau mana-mana peraturan yang dikehendaki dari semasa ke semasa atau bertindak yang boleh menjaskan nama baik Pertubuhan.
2. Sekiranya sesebuah Cawangan dibubar semua Ranting dibawahnya akan turut terbubar dengan sendirinya. Bagi Ranting yang dibubarkan semua ahlinya boleh berpindah kepada Ranting yang terdekat sekali.
3. Segala aset dan rekod kepunyaan Cawangan yang dibubarkan hendaklah diserahkan kepada Majlis Tertinggi dan bagi Ranting yang dibubarkan aset dan rekodnya hendaklah diserahkan kepada Jawatankuasa Cawangan.
4. Sebarang arahan pembubaran hendaklah dikeluarkan oleh Majlis Tertinggi dan sebarang pembubaran adalah berkuatkuasa mulai daripada tarikh surat arahan pembubaran. Sebarang rayuan kepada Majlis Tertinggi, jika ada hendaklah dibuat dalam tempoh 1 bulan. Dan sebarang Cawangan atau Ranting hanya boleh berfungsi semula setelah keputusan mengenai rayuan diperolehi.
5. Sebarang keputusan pembubaran mengenai Cawangan atau Ranting oleh Majlis Tertinggi hendaklah dimaklumkan kepada Pendaftar

Pertubuhan dalam tempoh 14 hari daripada tarikh keputusan pembubaran itu dibuat.

31. PERATURAN-PERATURAN (Regulations)

Peraturan-peraturan (Regulations) boleh dibuat untuk perkara-perkara yang tertentu asalkan tidak bertentangan dengan Undang-undang ini. Sesuatu peraturan yang dibuat hendaklah mendapat kelulusan dari Mesyuarat Perhimpunan Perwakilan Tiga Tahun Sekali sebelum ianya dikuatkuasakan.

32. PENASIHAT DAN PENAUNG

Pertubuhan boleh melantik penaung atau penasihat di dalam Mesyuarat Majlis Tertinggi.

33. KEROSAKAN/PEMINDAHAN HARTA PERTUBUHAN

1. Mana-mana ahli Pertubuhan memecah atau merosakkan mana-mana harta Pertubuhan hendaklah membayar harga bagi membaiki atau mengganti harta itu, jika dipinta berbuat demikian oleh Jawatankuasa Disiplin;
2. Segala harta alih atau tidak alih milik pertubuhan tidak boleh di pindah atau di pindah milik tanpa kelulusan Majlis Tertinggi.

34. LAPORAN TAHUNAN

Setiausaha Agung hendaklah menghantar laporan tahunan kepada Pendaftar Pertubuhan dengan menggunakan borang yang ditentukan dalam tempoh 60 hari setelah mengadakan Perhimpunan Perwakilan Tiga (3) Tahun Sekali dan jika Perhimpunan Perwakilan itu tidak diadakan dalam tahun berkenaan maka laporan tahunan hendaklah dihantar setiap tahun kalendar.

35. TAFSIR UNDANG-UNDANG

Di antara Perhimpunan Perwakilan, Majlis Tertinggi boleh memberi tafsirannya kepada Perlembagaan ini dan bila mustahak boleh memutuskan perkara-perkara yang tidak terkandung di dalam undang-undang ini.

36. PERUNTUKAN-PERUNTUKAN KHAS

1. Penyertaan mana-mana penuntut Universiti atau Kolej dalam Pertubuhan adalah tertakluk kepada Akta-akta yang berkaitan yang sedang berkuatkuasa;
2. Pertubuhan atau ahli-ahlinya tidak boleh mencuba, menghalang atau dengan apa cara juga mengganggu perniagaan atau harga barang-barang atau mengambil peranan di dalam gerakan kesatuan sekerja seperti yang diterangkan di dalam Akta Kesatuan Sekerja, 1959.
3. Faedah-faedah seperti yang diterangkan di bawah Seksyen 2 Akta Pertubuhan, 1966 tidaklah boleh diberi oleh Pertubuhan kepada mana-mana ahli.
4. Mana-mana orang tidak boleh memegang jawatan dalam Pertubuhan menjadi penasihat atau pekerja Pertubuhan jika ia telah hilang kelayakan menurut Seksyen 9A Pertubuhan, 1966.

37. ATURAN AM MENGENAI CAWANGAN DAN RANTING

1. Jika tidak ada aturan khas dibuat dalam Perlembagaan ini untuk sebarang masalah berkaitan dengan pentadbiran hal ehwal Cawangan dan Ranting Pertubuhan ini, aturan yang berkenaan mengenai pentadbiran, Ibu Pejabat dan Majlis Tertinggi hendaklah di ikuti setakat mana yang boleh.
2. Perhimpunan Perwakilan dan Majlis Tertinggi boleh memberi arahan kepada Jawatankuasa Cawangan atau Jawatankuasa Ranting bagi mana-mana Cawangan dan Ranting berkaitan dengan Pentadbiran Hal Ehwal Cawangan dan Ranting.

38. PINDAAN PERLEMBAGAAN

Perlembagaan ini tidak boleh diubah atau dipinda kecuali dengan keputusan suatu usul yang diluluskan dalam Perhimpunan Perwakilan Tiga Tahun Sekali untuk diluluskan oleh Pendaftar Pertubuhan.

39. PERATURAN AM

Semua ahli yang berkhidmat di dalam Majlis Tertinggi atau Jawatankuasa Cawangan dan Ranting dan tiap-tiap pegawai eksekutif di dalam HIKMAH hendaklah terdiri daripada warganegara-warganegara Malaysia yang beragama Islam.

**Ibu Pejabat HIKMAH
Jalan Tun Abdul Rahman Ya'kub, Petra Jaya
93050, Kuching
Tel: 082 - 443 993 Fax: 082 - 441 150**